

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
(HULU LANGAT)**

TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membeli atau menggantikan 6 buah helikopter MD530G bernilai RM300 juta yang tidak diterima oleh Kementerian Pertahanan khusus untuk digunakan di Pantai Timur Sabah yang sangat terdedah kepada pencerobohan. Jika ya, mungkinkah model baru nanti sesuai untuk dioperasikan di kawasan maritim.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan buat masa ini dalam fasa penelitian akhir untuk memuktamadkan hala tuju perolehan helikopter MD530G dan Memorandum Jemaah Menteri telah disediakan untuk dikemukakan bagi mendapatkan ulasan beberapa agensi yang berkaitan sebelum dibentangkan ke Jemaah Menteri.

Rancangan penggantian helikopter MD530G akan diputuskan setelah keputusan/hala tuju perolehan helikopter ini dimuktamadkan.

Sementara itu, keselamatan di Pantai Timur Sabah mampu dilaksanakan oleh Tentera Darat menggunakan pesawat A109 *Light Observation Helicopter* dan aset-aset sedia ada yang lain.